

Jadi pengasuh walaupun buta

Pasangan warga emas OKU penglihatan bersyukur diberi kepercayaan jaga cucu, anak jiran

NORHAZIZAH ZULKIFLI

JERANTUT - "ALLAH SWT jadikan setiap sesuatu itu ada sebabnya... kalau kita buta, Dia bagi kelebihan lain," kata seorang warga emas yang kehilangan penglihatan akibat masalah cacing rambut yang serius ketika berusia 7 tahun.

Jora Baharuddin, 70, bertemu jodoh dengan pasangan pilihan hatinya yang juga cacat penglihatan, Osman Jalani Mohd Noh, 65.

Kedua-dua mereka dikurniakan seorang anak perempuan yang sudah mendirikan rumah tangga dan memiliki tiga cucu berusia dalam lingkungan setahun hingga 13 tahun.

Berbekalkan pengalaman membesarkan anaknya itu, pasangan yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di Kampung Sungai Balang, di sini, diberi kepercayaan untuk mengasuh cucunya yang berusia 1 tahun enam bulan beserta seorang anak jirannya ketika ibu bapa mereka bekerja.

"Saya tolong jaga cucu dan anak jiran ketika mak ayah mereka pergi menoreh getah. Mereka bayar saya RM3 sehari. Mereka hantar sebelah pagi dan ambil pada tengah hari."

"Saya tak kisah pasal apa sebab ini saya untuk membantu... lagi pun mereka hanya kerja menoreh getah," katanya.

Dari penelitian yang dibuat di rumah Jora dan Osman, ruang antara dapur dan bilik air serta ruang tamu dipasang pagar besi.

Menurut Jora, pagar itu baharu sahaja dibuat sejak menjaga cucunya ketika cucunya itu berusia tiga bulan bagi tujuan keselamatan.

Malah di leher Jora juga sering tergantung segugus kunci pelbagai guna agar Jora tidak kehilangan kuncinya itu.



Jora boleh melakukan kerja sehabian seperti suri rumah lain meskipun kekurangan dari sudut penglihatan.



Jora membiayai cucunya yang diasuh sejak berusia tiga bulan sementara ibu bapa cucunya itu bekerja.

INFO ■ Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan kepada pasangan suami isteri ini boleh menghubungi Setiausaha Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 18, Fadzly Ismail di talian 011-19808088



Osman kehilangan penglihatannya ketika berusia 11 tahun.

"Hati saya berkenan kepada Jora"

Bercerita tentang pertemuan pasangan suami isteri itu, Osman berkata, mereka berdua sama-sama belajar di sebuah sekolah pendidikan khas Taman Harapan, di Temerloh.

"Saya sebenarnya berasal dari Kedah, tapi saya datang ke Pahang untuk belajar pembuatan kraf tangan di sekolah pendidikan khas itu."

"Saya jumpa Jora ketika saya baru balik dari Kedah. Ada pegawai di situ kenalkan saya dengannya. Saya diberi dua pilihan, namun setelah berkenalan, hati saya berkenan kepada Jora," katanya.



Osman dan Jora tidak memerlukan tongkat ketika berjalan berikutan sudah biasa dengan suasana dalam dan luar rumah mereka.

Jora pula dikatakan mengambil kursus temakan ayam di sekolah berkenaan bagaimanapun kedua-dua mereka memilih untuk bekerja di bidang yang berbeza.

Osman sempat bekerja membuat kraf tangan untuk seketika namun dikatakan hasil kraf tangannya yang dihasilkan tidak mendatangkan pendapatan yang baik justeru memilih untuk menyertai rakan dalam kumpulan kugiran.

"Lepas tu saya pilih untuk bekerja di kampung saja dengan menanam sayur dan pokok pisang. Saya pilih untuk tinggal di sini (Kampung Sungai Balang) bersama isteri saya dengan meraih pendapatan daripada mereka yang nak beli hasil tanaman kami sampai sekarang."

"Kami juga masing-masing dapat bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM300 dan dari pendapatan itu kami gunakan untuk perbelanjaan harian termasuk bayar bil air dan elektrik," katanya.

Jora pula dikatakan pernah mengambil upah mengasuh selain sering dijemput untuk mengalunkan bacaan al-Quran dalam majlis-majlis tertentu.

"Saya dan suami tak pandai baca tulisan braille, jadi kalau belajar al-Quran tu kami hanya dengar dan hafal saja," katanya.

Pernah ditipu

Bertanyakan sekiranya pasangan suami isteri itu pernah dianiaya, menurut Osman, dia dan isteri pernah ditipu individu yang datang kononnya menawarkan mereka Rumah 1 Malaysia.

"Orang itu kata kerajaan nak bagi rumah. Dia minta kad pengenalan tapi saya tak bagi. Dia kata nak bina rumah, kena punggah barang guna lori jadi dia perlukan deposit sebanyak RM700."

"Tapi dia kata boleh bayar RM200 dulu. Jadi kami pun bayarlah. Tapi sampai sekarang masih tiada apa-apa. Saya dapat tahu rupanya ada lagi penduduk kampung yang terkena nasib yang sama," katanya.

Osman berkata, kejadian itu berlaku sekitar empat tahun lalu di mana selepas kejadian, dia dan isteri sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga.

"Saya boleh kenal seseorang melalui pendengaran saya. Cara mereka berjalan dan bergerak. Bunyi tapak kaki saya sudah cukup buat saya tahu siapa mereka. Jika saya tak kenal, saya minta mereka beritahu tentang diri saya," katanya.

Osman dan Jora bagaimanapun bersyukur kerana memiliki jiran tetangga yang prihatin dengan kekurangan mereka.

"Jika kami nak beli barang makaran harian, saya cuma perlu beritahu tuan kedai runcit di pekan Damak dan dia hantakan barangan yang dipesan ke rumah kami."

"Jika sambutan raya, jiran tetangga dan saudara mara akan datang berkunjung. Sesekali akan ada yang bersedekah," katanya.